



MyGDI

Malaysia Geospatial Data Infrastructure

NEWSLETTER

Edisi No. 2

Julai 2017

www.mygeoportal.gov.my

facebook.com/mygeoportal

ISI KANDUNGAN

TRANSFORMASI NASIONAL 2050 (TN50): ASPIRASI MASA DEPAN ALAM SEKITAR NEGARA KITA

Halaman 1

LAWATAN GEOSPATIAL MEDIA AND COMMUNICATIONS SDN. BHD. KE PEJABAT MENTERI NRE

LAWATAN AKADEMIK LIMKOKWING UNIVERSITY OF CREATIVE TECHNOLOGY

PAMERAN SEMPENA SEABED SURVEY DATA MODEL SHOWCASE 2017

Halaman 2

LAWATAN DARIPADA DELEGASI MINISTRY OF LAND REFORM AND MANAGEMENT, NEPAL

APLIKASI CARIAN KOD DAN NAMA SEMPADAN PENTADBIRAN TANAH (UPI)

Halaman 3

APLIKASI MyGeoName KINI DENGAN PAPARAN BARU

Halaman 4

TRANSFORMASI NASIONAL 2050 (TN50): ASPIRASI MASA DEPAN ALAM SEKITAR NEGARA KITA



GAMBANG, 11 Mei - Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) telah menganjurkan Program Dialog Transformasi Nasional 2050 (TN50) bertemakan "Aspirasi Masa Depan Alam Sekitar Negara Kita" bertempat di Universiti Malaysia Pahang (UMP), Kampus Gambang. Program dialog ini telah dihadiri oleh lebih daripada 1000 pelajar UMP dan beberapa Universiti

Awam (UA) berhampirannya untuk berkongsi aspirasi dan idea golongan belia menjelang tahun 2050 yang berhubung kait dengan isu alam sekitar.

Program dialog ini telah diterajui oleh YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Menteri NRE bersama Prof. Dato' Dr. Daing Nasir bin Ibrahim, Naib Canselor UMP, selaku moderator. Turut hadir sama pada program dialog ini ialah YB Datuk Ir. Dr. Hamim bin Samuri, Timbalan Menteri NRE serta pengurusan tertinggi NRE yang lain.

Aktiviti-aktiviti sampingan turut diadakan sempena program dialog ini seperti acara penanaman pokok oleh dif-dif kehormat, perkongsian aspirasi melalui *post-it note* dan dalam talian, serta pameran agensi dan jabatan di bawah NRE. Sebanyak 11 agensi dan jabatan di bawah NRE yang terlibat dalam pameran ini iaitu Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG), Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM), Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), Jabatan Biokeselamatan (JBK), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG), Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS), Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan

Taman Negara (PERHILITAN) dan Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM). Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI) juga turut serta dalam pameran ini serta telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Pameran bagi Program Dialog TN50 NRE.

Booth MaCGDI telah diisi dengan pelbagai aktiviti menarik melibatkan pensyarah dan pelajar yang hadir seperti penerangan fungsi MaCGDI dalam menyokong program TN50 NRE, penerangan aplikasi-aplikasi MyGDI, permainan *Mix, Match & Map* serta permainan *Crossword Puzzle*. Pihak NRE dan MaCGDI selaku penganjur berharap agar program dialog dan pameran TN50 ini dapat membawa aspirasi alam sekitar yang telah dikongsikan kepada peringkat yang lebih tinggi, melahirkan belia yang peka dengan soal pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar serta amanah dalam memimpin dan menjaga alam sekitar negara di masa hadapan.



► LAWATAN GEOSPATIAL MEDIA AND COMMUNICATIONS SDN. BHD. KE PEJABAT MENTERI NRE



PUTRAJAYA, 4 Mei – Satu perjumpaan antara Geospatial Media and Communications Sdn. Bhd. (GMCSB) dengan YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Menteri NRE telah diadakan bagi tujuan syarikat tersebut membentangkan perkembangan geospasial di Malaysia melalui kajian yang telah dijalankan oleh mereka. Delegasi yang hadir ialah Encik Prashant Joshi, *Vice President, Asia Pacific Region*, Cik Anamika Das, *Vice President, Market Intelligence and Business Consulting Division* dan Encik Mohd Kamal Aznam Zaini, *Business Development Manager*. Pihak MaCGDI selaku urus setia lawatan ini telah diketuai oleh YBhg. Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya, TKSU (SA), NRE. Tajuk pembentangan

GMCSB ialah *Role of Geospatial in Malaysia Transformation*. Pihak GMCSB turut berpeluang memperkenalkan fungsi dan peranan syarikat mereka dalam bidang geospasial di Malaysia serta di peringkat antarabangsa kepada YB Menteri NRE. Pertemuan dua hala pihak YB Menteri NRE bersama delegasi GMCSB ini dapat mewujudkan perkongsian idea antara pihak Kerajaan dan swasta berkaitan bidang geospasial di Malaysia.

► LAWATAN AKADEMIK LIMKOKWING UNIVERSITY OF CREATIVE TECHNOLOGY




PUTRAJAYA, 18 Mei – MaCGDI, NRE telah menerima kunjungan daripada 24 orang pelajar *Bachelor of Civil Engineering, Faculty of Architecture and The Built Environment, Limkokwing University of Creative Technology*. Para pelajar ini telah diiringi oleh dua (2) orang pensyarah fakulti iaitu Encik Amr Abdulrahman Aziz Salah dan Encik Ir. Shuhaili bin Mohamad.

Lawatan ini adalah merupakan lawatan akademik yang pertama diadakan oleh *Limkokwing University* ke MaCGDI. Para pelajar *Limkokwing University* khususnya yang mengikuti kursus *Bachelor of Civil Engineering* baru sahaja diperkenalkan dengan subjek Sistem Maklumat Geografi

(GIS) pada tahun ini. Justeru, lawatan akademik ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar ini untuk menghubungkan bidang kejuruteraan awam dengan bidang GIS. Pihak *Limkokwing University* juga telah menunjukkan minat mereka apabila mendapati infrastruktur data geospasial negara dapat membantu dalam meningkatkan kualiti pengurusan sesuatu organisasi.

► PAMERAN SEMPENA SEABED SURVEY DATA MODEL SHOWCASE 2017



KUALA LUMPUR, 23 Mei - MaCGDI, NRE telah menyertai pameran sempena Seabed Survey Data Model Showcase (SSDM) anjuran Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS) dengan kerjasama Ogeosies Sdn. Bhd. Bengkel ini telah disertai oleh lebih 100 peserta dari PETRONAS Carigali Sdn. Bhd., Pembekal Ukur Hidrografi, PETRONAS Assets Sdn. Bhd. dan juga turut disertai oleh agensi kerajaan seperti Pusat Hidrografi Nasional (PHN) dan MaCGDI.

Bengkel SSDM ini dianjurkan adalah bertujuan untuk memberi pendedahan dan promosi kepada komuniti hidrografi di Malaysia berkaitan perkembangan terkini industri geospasial. Melalui bengkel ini, para peserta

didedahkan dengan penggunaan platform SSDM berkaitan pengurusan, penyimpanan, paparan dan pertukaran maklumat data *seabed survey*. Kelebihan data model SSDM ini adalah ianya menggunakan format GIS berbanding *unstructured CAD format* yang digunakan sebelum ini. Selain itu, pihak PETRONAS turut berkongsi hal berkaitan penggunaan SSDM Versi 2 yang telah diuar-uarkan oleh International Association of Oil and Gas Producers (IOGP) pada awal tahun ini.


▶ LAWATAN DARIPADA DELEGASI *MINISTRY OF LAND REFORM AND MANAGEMENT, NEPAL*



PUTRAJAYA, 9 Jun - MaCGDI, NRE telah menerima kunjungan delegasi daripada *Ministry of Land Reform and Management, Nepal*. Pihak delegasi terdiri daripada empat (4) orang dan diketuai oleh Encik Arjun Raj Pant (*Under Secretary, Ministry of Land Reform and Management, Nepal*) bersama wakil daripada Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) iaitu Encik Sr Azlim Khan bin Abdul Raof Khan. Pihak delegasi telah disambut mesra oleh pegawai – pegawai MaCGDI yang diketuai oleh Tuan Sr Haji Ahmad Akhir bin Tompong, Timbalan Pengarah Cawangan Pembangunan Polisi dan Standard.

Lawatan selama lima (5) hari ke Malaysia oleh delegasi Nepal ini adalah bertujuan untuk perkongsian maklumat berkaitan pengurusan tanah di Malaysia. Selain MaCGDI, pihak delegasi ini turut berkunjung ke agensi lain seperti JUPEM, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) serta PLANMalaysia.

▶ APLIKASI CARIAN KOD DAN NAMA SEMPADAN PENTADBIRAN TANAH (UPI)



Unique Parcel Identifier (UPI) merupakan satu kaedah pengecaman yang unik bagi mengenalpasti lokasi lot (petak) tanah yang mengandungi satu siri nombor untuk negeri, daerah, mukim, seksyen dan nombor lot.

Kegunaan UPI adalah untuk membolehkan mana-mana lot tanah yang dibangunkan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) dapat diakses dan dikongsi bersama. Ianya bertujuan membantu dalam mendapatkan kembali dan membuat pertukaran terhadap data-data kadaster sama ada dalam bentuk *spatial* dan *non-spatial*. Terdapat tiga (3) kategori yang diperkenalkan dalam carian data kadaster menerusi UPI iaitu:

- Hak Milik Kekal (FT) untuk tanah -tanah yang diukur halus;
- Hak Milik Sementara (QT) untuk tanah-tanah yang belum diukur halus; dan
- Hak Milik Strata untuk bangunan bertingkat.



Penyelarasan Kod dan Nama Sempadan Pentadbiran Tanah (UPI) juga adalah untuk memastikan setiap bidang tanah hak milik sementara (*Qualified Title - QT*), tanah milik yang telah diukur halus (*Final Title - FT*) dan petak strata mempunyai nombor pengenalan yang unik. Ia juga bertujuan memudahkan pertukaran data geospasial berkaitan tanah antara agensi serta pengguna geospasial.

Aplikasi UPI ini telah dibangunkan secara dalam talian untuk kegunaan kepada agensi dalam menentukan senarai Kod dan Nama Sempadan Pentadbiran Tanah yang seragam bagi semua negeri di Malaysia.

Aplikasi UPI versi 2.0 kini boleh dilayari melalui pautan:

<https://mygos.mygeoportal.gov.my/upi/>

▶ APLIKASI MyGeoName KINI DENGAN PAPARAN BARU



Pangkalan Data Nama Geografi (PDNG) merupakan bank data yang menyimpan nama, lokasi, sejarah entiti geografi yang sah untuk kegunaan kerajaan dan pengguna awam. Maklumat ini dipaparkan di dalam dokumen gazetir dan disenaraikan secara turutan abjad.

PDNG ini diterjemahkan kepada satu aplikasi yang dipanggil "MyGeoName" yang menyimpan dan menjadi rujukan untuk semua pangkalan data nama-nama geografi seluruh negara. Ia juga diibangunkan untuk memberikan maklumat autoritatif berkaitan lokasi dan ejaan nama-nama geografi yang diwartakan dalam format yang tekal untuk kegunaan rasmi kerajaan, industri dan awam.

Seiring dengan perkembangan semasa dan keperluan pengguna, versi terbaharu MyGeoName telah diibangunkan dan dibuka sebagai rujukan pengguna pada tahun 2017. Antara ciri-ciri terbaru MyGeoName adalah:

- 1 Paparan baru yang lebih interaktif dan mesra pengguna;
- 2 Terdapat 10 jenis servis 'basemap' yang berlainan yang boleh ditukar-tukar secara langsung;
- 3 Terdapat maklumat tambahan yang terkandung di paparan peta seperti "Point of Interest (POI)", maklumat jalan, sungai serta sempadan pentadbiran negeri, daerah dan mukim;
- 4 Carian tempat atau kawasan mengikut koordinat Latitud dan Longitud; dan
- 5 Penjaan statistik nama geografi yang direkodkan mengikut jenis entiti.

MyGeoName versi terbaharu kini boleh dilayari melalui pautan:

<http://standard.mygeoportal.gov.my/mygeoname/>

Diterbitkan oleh:

PUSAT INFRASTRUKTUR DATA GEOSPATIAL NEGARA (MaCGDI),

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR,

ARAS 7 & 8, WISMA SUMBER ASLI,

NO. 25, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4,

PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,

62574 PUTRAJAYA.

TEL: 03 - 8886 1156

FAX: 03 - 8889 4851

Website: www.mygeoportal.gov.my

